

01/01/2000

Umno perlu kaji punca ahli berpaling tadah

KEPUTUSAN Umno untuk bertindak ke atas ahlinya yang didapati mengkhianati parti, dalam pilihan raya baru-baru ini adalah hal biasa terutama selepas satu pilihan yang begitu sengit.

Tetapi agak menarik menurut berita yang dilaporkan media baru-baru ini, jumlah mereka yang bakal diambil tindakan hanya kira-kira seratus orang saja. Dibandingkan jumlah sejuta ahli dalam Umno, maka 100 orang 'pengkhianat' dalam parti sepatutnya tidak menjadi berita besar dalam media. Tetapi pilihan raya baru-baru ini bukanlah pilihan raya biasa. Barisan Nasional mencapai kemenangan dengan majoriti lebih dua pertiga kerusi tetapi secara umum prestasi Umno tidak memberangsangkan.

Umno menghadapi tentangan sengit daripada pembangkang di banyak tempat. Kelantan dikuasai terus oleh Pas manakala Terengganu terlucut daripada Umno. Dalam pada itu, parti pembangkang mendapat tempat di hati pengundi di kawasan yang belum pernah dimenangnya dahulu. Boleh dikatakan belum pernah Umno mengalami pilihan raya yang sehebat pilihan raya baru-baru ini.

Kerana itu tentu wajar untuk Umno ingin mengetahui mengapa prestasinya pada keseluruhannya terjejas. Satu sebab yang diketahui ialah adanya pengkhianat yang sanggup berpaling tadah berpihak kepada musuh sebagai pencadang calon, bahkan menjadi calon.

Sebenarnya masalah pengkhianat atau musuh dalam selimut dalam mana-mana parti pada masa pilihan raya memang hal biasa. Tetapi pilihan raya yang dialami oleh Umno baru-baru ini bukanlah pilihan raya biasa. Isu besar dalam pilihan raya itu ialah isu bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Boleh dikatakan isu ini menyentuh tiap rakyat negara ini, memecahbelahkan rakyat kepada kelompok tertentu mengeruhkan keadaan dan suasana hidup rakyat hingga ramai pengundi menganggap keputusan pilihan raya seolah-olah berupa keputusan kes Anwar.

Bagi sesetengah orang, keputusan Umno untuk menyingkirkan dan membersihkan partinya daripada anasir khianat tidaklah begitu penting daripada mencari sebab musabab mengapa gejala seperti itu menghantui Umno pada pilihan raya lalu.

Soal yang lebih penting untuk dijawab ialah mengapakah mereka menjadi 'pengkhianat'? Aspek ini adalah penting kerana sesetengah kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh pengkhianat itu adalah berat umpamanya bertanding sebagai calon parti lawan, menjadi penyokong calon parti lawan dan sebagainya. Mengapakah mereka bertindak begitu jauh?

Jika kita imbas kembali kepada masa mula-mula Anwar melancarkan kempen reformasinya, nescaya kita dapati bahawa Umno malah kerajaan sendiri seolah-olah terputus ikhtiar untuk memberi jawapan yang setimpal kepada segala tuduhan yang dilempar oleh golongan reformasi ke atas kerajaan. Pihak berwajib termasuk Umno tidak dapat memberikan pimpinan kepada rakyat untuk menghadapi cabaran yang dilontar oleh golongan reformasi kepada kerajaan.

Kerajaan hanya menyatakan kesal bahawa penunjuk perasaan berdemonstrasi tanpa izin, membahayakan ketenteraman umum sedangkan golongan reformasi terus mengadakan perhimpunan hampir tiap hari. Ketika inilah merupakan ketika yang genting dalam erti kata bahawa rakyat mulai membentuk pendapat dan fikiran serta kesan dan tanggapan mereka terhadap isu yang berbangkit pada waktu itu.

Ketika itulah yang paling sensitif yang mana masing-masing kita mulai

bertanya sendiri, "Siapakah yang benar"? Tanpa penerangan dan pimpinan ramai anak muda mencari jawapan mereka sendiri dan kebanyakannya secara `emosi' berpihak kepada generasi muda yang seangkatan dengan mereka.

Saya masih ingat pada ketika penyokong reformasi sedang ghairah menunjuk perasaan di masjid negara, saya didatangi oleh tiga anak muda di rumah. Mereka datang dari Perak dan secara kebetulaan `tersangkut' di Jalan Chow Kit ketika sedang ghairah menunjuk perasaan.

"Apa pendapat kamu tentang demonstrasi itu?," saya bertanya.

"Hebat... hebat," kata seorang dari pemuda itu. "Kami sokong", kata seorang lagi. "Kami mungkin ikut jejak mereka di kampung kami nanti", kata teman yang ketiga. "Kamu Pemuda Umno", kata saya. "Betul...", jawab seorang pemuda itu. "Tetapi adakalanya Umno mesti kita kejutkan seperti ini ... terutama sekali wakil rakyat kami... kami beramai-ramai buat surat rayuan memohon tanah 200 hektar tetapi tanah itu kemudiannya diberikan kepada usahawan Cina," kata pemuda itu lagi.

Saya tidak terkejut dengan reaksi pemuda itu kerana hampir setiap orang muda yang saya jumpai menyaksikan demonstrasi golongan reformasi pada ketika itu dan merasakan itulah sebaik-baik cara untuk `mengejutkan' kerajaan. Umumnya ramai menganggap demonstrasi sebagai `permainan' saja, satu kesempatan untuk berehat, untuk bersiar-siar.

Seorang pemandu teksi di Gombak ketika bertemu di rumah meluahkan rasa kecewanya terhadap pemimpinnya. "Apa yang saya dapat berjuang selama ini? Ketua saya mendapat entah lapan atau sepuluh rumah murah - semua untuk kaum kerabatnya. Kami sebuah pun tidak dapat," kata pemandu teksi itu.

"Kali ini kami tahu bagaimana mengajar dia", katanya menambah, "kami akan lobi pengundi jangan mengundi calon BN di kawasan kami," kata pemandu itu lagi.

Saya menganggap pada ketika yang kusut seperti itulah wajar kerajaan atau Umno melancarkan kempen penerangan untuk menjelaskan isu yang sepatutnya mendapat perhatian pada waktu itu.

Apa yang berlaku pada masa itu sebenarnya satu peperangan saraf untuk kedua-dua pihak bagi merebut keyakinan dan simpati orang ramai yang masih dalam keadaan terumbang ambing dan belum lagi dapat membuat kepastian tentang kebenaran satu-satu pihak - Anwar atau Mahathir.

Sudah tentu keadaan ini menjejaskan semangat ahli akar umbi yang tidak dapat memberikan jawapan yang jelas kepada rakyat tentang isu-isu yang dipertikaikan pada masa itu. Inilah salah satu faktor maka berlaku penyelewengan dalam parti yang wajar mendapat perhatian.

(END)